

TEKS UCAPAN
LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN,
REKTOR KUKUM
BENGKEL KEPIMPINAN LATIHAN INDUSTRI 2006
23 HINGGA 25 NOVEMBER 2006, DEWAN KAPITOL, KANGAR, PERLIS.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Dr. HM Tuah Iskandar, Pakar Motivasi dan wakil-wakil industri

Pegawai-Pegawai Utama KUKUM,

Dekan-Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan,

Pensyarah-Pensyarah,

Dan Mahasiswa/I KUKUM Yang Dikasihi Sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat menjayakan Bengkel Kepimpinan Latihan Industri 2006 ini. Bengkel ini merupakan salah satu daripada aktiviti ‘seven pillar’ yang diwajibkan kepada semua pelajar KUKUM

Hadirin sekalian,

Seperti yang kita sedia maklum, pelajar-pelajar tahun 3 perlu megikuti latihan industri pada semester ke 6 sebagaimana yang disyaratkan dalam keperluan universiti. Dalam kursus ini, para pelajar akan ditempatkan di industri-industri atau syarikat-syarikat mengikut kesesuaian bidang masing-masing dalam tempoh selama 4 hingga 6 bulan mengikut syarat yang ditetapkan. Oleh itu, bengkel yang diadakan pada hari ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang organisasi-organisasi yang menuntut pelbagai kemahiran ketika mereka mengikuti latihan industri kelak.

Hadirin yang saya hormati,

Harapan saya menerusi bengkel ini, para pelajar dapat membina keyakinan dan jati diri dalam menghadapi cabaran semasa latihan industri. Saya amat berharap para pelajar dapat memanfaatkan segala ilmu dan pengetahuan yang diberikan melalui bengkel ini hatta menghargai segala kerjasama, inisiatif dan penat lelah tenaga-tenaga penceramah yang bukan sahaja dari tenaga pengajar KUKUM tetapi pihak luar seperti Dr. HM Tuah Iskandar, Motorola Technology, Freescale Semiconductor, Intel Technology, Siltera, Solelectron dan Advance Micro Device yang sentiasa yakin dan percaya bahawa anda semua mampu melakukan yang terbaik.

Selain itu, diharapkan para pelajar dapat memberi dan menjaga imej yang baik di industri sepanjang tempoh latihan industri. Saya amat berharap jangan apabila tamat sahaja tempoh latihan industri itu nanti, kita akan mendengar desas-desus dan rungutan daripada pihak industri yang mengatakan pelajar KUKUM tidak berkualiti, tidak berdisiplin, tidak bertenaga dan lain-lain lagi.

Anggapan yang negatif ini sudah pasti menyebabkan graduan kita sukar untuk mendapat pekerjaan yang baik kelak selain menyukarkan pelajar-pelajar yang berikutnya untuk mendapat tempat di industri bagi program intra di tahun-tahun berikutnya. Kesannya, bukan sahaja hubungan baik yang sedia ada di antara KUKUM dengan industri akan terjejas malah memberikan imej yang buruk kepada KUKUM.

Akhir kata jutaan terima kasih diucapkan kepada penceramah kita pada hari ini , yg bhg dr hm tuah iskandar di atas kesudian beliau datang ke sini. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ucapan syabas dan tahniah kepada pengajur program ini iaitu pusat pengajian kejuruteraan bahan dan pusat kerjasama industri kerana berjaya menganjurkan bengkel 2 hari ini. Sebelum mengundurkan diri, saya dengan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua hadirin kerana sudi hadir pada hari ini

Dengan lafaz bismillah hirrahman nirrahim, saya merasmikan **Bengkel Kepimpinan Latihan Industri 2006** ini. Saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.